



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 7 APRIL 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	RAMADAN: KERAJAAN JAMIN BEKALAN MAKANAN CUKUP, HARAKAH DAILY -ONLINE CHEF JOE MASAK KETUPAT GORENG SEMPENA PROGRAM MALAYSIAN HERITAGE CUISINE, EDISI VIRAL -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	THREE FISHING BOATS DETAINED, HOME, BORNEO POST (KK) -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	PENIAGA PASAR AWAM PUTRAJAYA WAJIB GUNA E-WALLET, NASIONAL, BH -7 PENDIGITALAN PASAR TANI: MUKMIN PAY SASAR 3,000 PENIAGA, BISNES, SH -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6. 7.	FELCRA, PPK KUALA LANGAT BEKERJASAMA, EKONOMI, UM -36 PACU PENDAPATAN USAHAWAN TANI, NASIONAL, SH -13	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
8. 9. 10. 11. 12. 13.	SUSTENIR, DFI LANCAR LADANG TERTUTUP, EKONOMI, UM -36 PENJARA MARANG BAKAL PENGELUAR MANGGA KING, LOKAL, HM -21 KAMBING UBAH NASIB 2 PEMUDA, NEGARA, KOSMO -18 'SELAGI ADA KUDRAT, KAMI AKAN BERKEBUN', DALAM NEGERI, UM -29 POOR MAN'S FISH OVERFISHED, NATION, THE STAR -3 LUMAYANKAH HARUM MANIS TAHUN INI?, RENCANA, UM -17	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## Ramadan: Kerajaan jamin bekalan makanan cukup



TUMPAT: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi jaminan bekalan makanan asas bagi keperluan rakyat sepanjang Ramadan mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Dato' Seri Ahmad Hamzah berkata, bekalan seperti ikan, ayam dan daging sering mendapat permintaan tinggi sepanjang Ramadan.

Katanya, kementerian membuat persiapan awal bagi memastikan kesemua barangan keperluan asas mencukupi bagi memenuhi permintaan rakyat.

Beliau juga berkata selain produk dikeluarkan dalam negara, kerajaan turut mengimport bahan makanan untuk memastikan bekalan mencukupi.

"Setiap kali Ramadan termasuk musim perayaan, kita sentiasa membuat pengukuran tentang permintaan sebenar berbanding stok yang ada.

"Jadi kita beri jaminan bekalan makanan akan mencukupi dan stabil," katanya kepada pemberita pada Program Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Prihatin Nelayan Parlimen Tumpat di Jeti Pendaratan Ikan, Tanjung Che Mas, di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Dato' Che Abdullah Mat Nawi.

Terdahulu beliau menyampaikan bantuan pembangunan pelan peningkatan pendapatan golongan B40 sebanyak RM50,000. Bantuan itu disalurkan menerusi program tanaman kontan kepada 50 nelayan di Tumpat.

Selain itu sebanyak RM20,000 disumbang dalam bentuk bantuan 'touch point' iaitu peralatan pemasaran ikan kepada 80 nelayan.

Manakala sebanyak RM65,000 pula disampaikan sempena bantuan projek khas perumahan nelayan (PKPN), bagi program baik pulih kediaman lima nelayan.

Ditanya mengenai peningkatan harga makanan haiwan yang naik mendadak, Ahmad berkata, ia berlaku disebabkan bahan berkenaan diimport dari luar negara.

"Bagaimanapun, kita minta kalau boleh jangan sampai ia mengakibatkan harga jualan terus meningkat.

"Malah kita juga turut mengadakan pertemuan dengan pengeluar-pengeluar makanan, terutama ayam dan telur susulan rungutan yang diterima," ujarnya. – HARAKAHDAILY 6/4/2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2021	EDISI VIRAL	ONLINE	

## Chef Joe masak ketupat goreng sempena program Malaysian Heritage Cuisine



Pada 30 Mac bertempat di Kontiki Restaurant, The Federal Hotel, Kuala Lumpur telah berlangsung acara demonstrasi masakan secara global menerusi siaran langsung.

Program ini diadakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) bersama kumpulan Masters of Malaysian Cuisine (MOMC).

Program masakan ini melibatkan 5 bandar utama iaitu Sydney, Dubai, United Kingdom, Afrika Selatan dan Kuala Lumpur menerusi 8 panggilan video secara langsung.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempromosi sajian Malaysia menggunakan produk tempatan.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Ketua Setiausaha MAFI, Dato Haslina binti Abdul Hamid dan pencipta kandungan terkenal, Mark Odea.



Sehubungan itu, Chef Johari Edrus atau lebih dikenali dengan nama Chef Joe dan Chef Bob Adnin menunjukkan bakat resipi masing-masing.



Pada 30 Mac, sesi dimulakan dengan demontrasi masakan resipi Ketupat Goreng oleh chef terkenal yang juga merupakan bekas juri Masterchef Malaysia, Chef Joe.

Selesai sesi bersama chef Joe, Chef Bob Adnin pula mengambil alih sesi demonstrasi dengan menunjukkan cara memasak Kerutuk Itik Salai.



Kesemua bahan yang digunakan adalah daripada produk dan bahan-bahan tempatan.



Objektif utama kolaborasi diantara (MAFI) dan (MOMC) adalah untuk memberitahu bahawa bahan-bahan masakan dari Malaysia mudah didapati disetiap pelusuk dunia.

Pada masa yang sama, dengan kecanggihan teknologi masakini, sedikit sebanyak program ini memudahkan mempromosi sajian tradisi tempatan secara global dikala sempadan negara masih ditutup akibat wabak Covid-19.

Program Malaysian Heritage Cuisine ini turut dijayakan oleh ramai pakar sajian Malaysia seperti Zaleha Olpin, Jackie M, Dave Murugaya, Rene Juefri, Debbie Teoh dan Chef Liam Ghani dan telah dipancarkan di setiap saluran MOMC termasuk laman sesawang [www.malaysianchefs.com](http://www.malaysianchefs.com), Facebook, Youtube dan Twitch serta melibatkan media sosial MAFI.

Headline	Three fishing boats detained		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	07 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	117 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 652
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,957



## Three fishing boats detained

**LAHAD DATU:** The Marine Police Force (MPF) here on Sunday apprehended three fishing boats off South Tanjung Melandong for breaching the conditions of fishing license.

District MPF Assistant Commanding Officer, ASP Sudirman Latip Karim said the three boats were detained during patrol at the areas during OP Benteng Covid.

Sudirman said one of the boats was skippered by a 22-year-old local man and its seven crew were found fishing at the area less than 1.5 nautical miles.

"The two other boats with a total of 14 crew members and two skippers were held 15 minutes later for the same offence," he said.

The three boats, he added, were taken to the MPF base and will be handed to the Fisheries Department for further action under Section 8 (b) of Fisheries Act 1985.



One of the boats detained for violating license conditions.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	7

## Peniaga pasar awam Putrajaya wajib guna e-wallet

**Putrajaya:** Peniaga pasar tani dan pasar awam di pusat pentadbiran kerajaan di sini, bakal diwajibkan mengguna aplikasi e-wallet sebagai antara syarat memperbaharui lesen perniagaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, berkata syarat yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat itu adalah sebagai usaha bagi memastikan peserta industri peruncitan, bersedia menghadapi model perniagaan baharu berkonsepkan pendigitalan.

Katanya, pasar tani Putrajaya dipilih untuk pelaksanaan fasa pertama Pendigitalan Sektor Peruncitan (Retail Digitalisation Initiative-ReDI) sebelum diperluaskan ke seluruh negara dalam fasa kedua mulai Mei.

"Kementerian menyasar 100 pasar tani dan pasar awam menggunakan e-wallet menjelang hujung tahun ini," katanya pada Majlis Pelancaran Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan di Presint 2 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamed Mustahapa Awang.

Fokus utama ReDI adalah bagi mernastikan 12,844 peniaga di 306 pasar tani dan pasar awam di seluruh negara menyediakan kemudahan e-wallet.

ReDI adalah sinergi strategik agensi kerajaan dan swasta memabatkan KPDNHEP dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perbadanan Putrajaya (PPJ), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Maybank, Touch n Go dan Axiata Berhad.

Rosol berkata, kelebihan menggunakan e-wallet itu menjadikan rekod kewangan peniaga mikro dan kecil, terutama dalam kalangan pengusaha Bumiputera lebih tersusun.

"Peniaga juga mempunyai akses kepada pinjaman mikro bagi mendapatkan kemudahan pembiayaan pemegang e-wallet.

"Bagi memastikan sasaran itu tercapai, KPDNHEP memerlukan kerjasama strategik daripada FAMA, pihak berkuasa tempatan serta setiap pejabat KPDNHEP Negeri," katanya.

## Pendigitalan pasar tani: Mukmin Pay sasar 3,000 peniaga

**KUALA LUMPUR** - Pasar Tani Danau Kota terpilih sebagai pasar tani pertama menjayakan projek pendigitalan pasar tani pertama di Malaysia oleh Mukmin Pay Sdn Bhd yang menyasarkan seramai 3,000 peniaga memanfaatkan inisiatif itu menjelang hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Mukmin Pay Sdn Bhd, Mohd Yusmi Ismail berkata, inisiatif melalui aplikasi 'Mukmin Mart' itu adalah projek usahasama antara pihaknya dan Koperasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bertad termasuk beberapa rakan strategik lain iaitu Bank Muamalat Malaysia Bertad (Bank Muamalat) serta syarikat telekomunikasi, DiGi.

Menurutnya, untuk permulaan, seramai 34 peniaga Pasar Tani Danau Kota telah mengambil bahagian dalam projek tersebut yang telah berlangsung selama sebulan.



Salah seorang pentagang Pasar Tani Danau Kota menerima tempika kad debit Bank Muamalat ketika sesi Penyerahan Kad Debit kepada Usahawan FAMA Pasar Tani Danau Kota di sini pada Ahad.

"Setiap peniaga yang terlibat telah mendaftar akaun perniagaan dengan Bank Muamalat dan menerima kad debit serta kemudahan DuitNow QR untuk transaksi tanpa tunai. Selepas

manfaatkan inisiatif ini menjelang hujung tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas sesi Penyerahan Kad Debit kepada Usahawan FAMA Pasar Tani Danau Kota di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Ketua Bahagian Perbankan Konsumer, Bank Muamalat Malaysia Bertad, Zury Rahimee Zainal Abiden berkata, usaha pendigitalan pasar tani ini bagi menyokong usaha kerajaan dalam memperkasakan peniaga-peniaga kecil dan sedetiana.

Katanya, penglibatan peniaga dalam projek itu membolehkan mereka memanfaatkan teknologi bagi meningkatkan pendapatan.

"Bank Muamalat memberi kemudahan pembukaan akaun dengan keperluan dokumentasi yang minima dan pengecualian



ZURY RAHIMEE

caj bagi kad debit tanpa perlu ke kaunter.

"Peniaga terlibat yang dikenal pasti berpotensi akan diberi tunjuk ajar dan latihan dari segi rancangan kewangan. Dengan rekod data jualan secara digital terus ke akaun perniagaan, lebih memudahkan proses pembiayaan pinjaman pada masa akan datang," katanya.

Ketua Bahagian Rakan Kongsi Strategik dan Pembangunan Perniagaan, Jabatan Perniagaan DiGi, Tony Tan Wee Beng berkata, pihaknya berbesar hati turut sama menyumbang dalam projek tersebut.

"Kami menyediakan kemudahan telefon pintar 4G secara percuma bersama capaian internet yang konsisten kepada para peniaga sebagaimana yang mereka perlukan dalam usaha pendigitalan ini," katanya.



# Felcra, PPK Kuala Langat bekerjasama

**KUALA LANGAT:** Felcra Berhad bakal meneroka aktiviti ekonomi baharu dengan menceburi projek fertigasi tanaman cili dan halia.

Pengarah Hal Ehwal Peserta Felcra Berhad, Mohammad Ab. Rahman berkata, bagi menjayakan projek tersebut pihaknya telah menjalankan kolaborasi dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat.

"Kita bekerjasama dengan PPK Kuala Langat untuk menjayakan projek fertigasi bagi meningkatkan ekonomi peserta kita di seluruh negara. Usaha ini akan dijalankan dengan penanaman cara moden menggunakan fertigasi berteknologi tinggi.

"Sebelum kita menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU), kita terlebih dahulu telah menjalin kerjasama rapat dalam bidang tersebut sejak setahun yang lalu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pemeteraian MoU antara Felcra Berhad dan PPK Kuala Langat di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) di



**ABDUL RAZAK Khasbullah (kiri) menyampaikan sambutan mesin kawalan berteknologi tinggi fertigasi kepada Mohammad selepas kedua-dua pihak menandatangani memorandum kerjasama di Teluk Panglima Garang, Kuala Langat, semalam.**

Teluk Panglima Garang, semalam.  
Hadir sama, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Azuleta Salim dan Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah.

Mohammad berkata, sejumlah cadangan projek mega

tersebut diputuskan, projek fertigasi melibatkan tanaman cili merah dan halia muda sudah bermula di tujuh lokasi tahun lepas dan digerakkan di 14 lokasi lagi tahun ini.

Sementara itu, Abdul Razak berkata, kerjasama antara kedua-dua pihak akan ditingkatkan dalam aspek teknologi dan pemasaran.  
"Kita mempunyai teknologi fertigasi canggih menggunakan internet yang kita akan kongsi. Fertigasi yang diuruskan secara maya akan mengurangkan kos pekerja dan meningkatkan pengeluaran," katanya.



# Pacu pendapatan usahawan tani

Kerjasama PPK Kuala Langat-AGPGM tingkat kecekapan dalam pemasaran dan pengurusan makanan

Oleh MUKHRIZ MAT HUSIN

**KUALA LUMPUR**

**P**ertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat telah bekerjasama dengan Ayam Gepuk Pak Gembus Malaysia (AGPGM) dan mensasarkan peningkatan kecekapan dalam pemasaran dan pengurusan pengedaran bekalan makanan.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, persepakatan dua bala melalui perjanjian itu secara langsung membantu dalam meningkatkan pendapatan usahawan tani.

“Perjanjian ini bertujuan

untuk menjalin hubungan dan memperkasakan kerjasama strategik antara PPK Kuala Langat dan AGPGM. Ia juga dapat meningkatkan keberkesanan pemasaran dan mewujudkan pasaran industri makanan yang lebih luas.

“Objektif perjanjian ini juga dijangka dapat meningkatkan sumber pendapatan usahawan, menyumbang kepada pengeluaran makanan negara serta menyediakan platform memasarkan produk berasaskan agro makanan pada harga yang berpatutan kepada pengguna,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara PPK Kuala Langat dan AGPGM di Auditorium Tun Ahmad Sarji, Menara LPP di sini pada Selasa.

Nik Muhammad Zawawi berkata, kolaboratif berkenaan dilakukan dengan AGPGM kerana yakin dengan potensi perniagaannya akan maju pada masa akan datang.

“AGPGM mempunyai ba-



Dari kiri: Ab Razak, Nik Muhammad Zawawi dan Mohd Firdaus pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di Auditorium Tuan Ahmad Sarji, Aras 2, Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pada Selasa.

nyak kelebihan dan mempunyai 46 cawangan di seluruh negara. Ia menunjukkan perniagaan ini telah berjaya dan mempunyai potensi yang cerah.

“Kita juga akan bekerjasama dengan syarikat lain pada masa akan datang,” katanya.

Mengulas lanjut, Nik Muhammad Zawawi berkata, melalui perjanjian tersebut akan memberi manfaat kepada petani, PPK dan LPP dan

membantu usahawan-usahawan peladang.

“Dengan adanya projek ini, ia dapat membuka peluang dan dijangka menarik minat lebih banyak pihak khususnya usahawan agro makanan untuk bekerjasama dengan PPK Kuala Langat.

“Dengan adanya kolaboratif sebegini, ia akan memberikan peluang kepada petani, peladang dan penternak untuk

memasarkan produk mereka sekali gus dapat meningkatkan pendapatan mereka,” jelasnya. Dalam pada itu, Pengerah AGPGM, Mohd Firdaus Abdul Wahid berkata, kerjasama itu dilihat sebagai perkongsian strategik yang komprehensif pada masa hadapan.

Katanya, AGPGM mensasarkan pembukaan sebanyak 100 unit cawangan AGPGM baharu pada tahun ini.

“Buat masa ini APGPM telah mengenal pasti potensi pembangunan industri penternakan dan pertanian. Kami berharap ia dapat membantu secara langsung kepada petani khasnya dan penduduk setempat umumnya.

“Oleh yang demikian saya yakin kerjasama ini sebagai pemulih bagi perkongsian strategik dapat melihat peluang-peluang yang boleh diterokai dalam membangunkan industri tempatan.

“Ia dapat direalisasikan secara optimum seperti sektor pertanian, penternakan ayam dan pusat penyembelihan ayam berteknologi tinggi,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/4/2021	UTUSAN MALAYSIA	EKONOMI	36

## Sustenir, DFI lancar ladang tertutup

**KUALA LUMPUR:** Pemimpin pertanian menegak dalam transformatif, Sustenir Agriculture (Sustenir) dengan kerjasama Dairy Farm International (DFI), telah melancarkan ladang menegak tertutup pertama di Malaysia, terletak di pusat pengedaran Kajang.

Ladang tersebut mempunyai ruang seluas 7,500 kaki persegi dan dijangka akan menghasilkan sehingga 25 tan sayuran setiap tahun.

Ketua Pegawai Eksekutif Sustenir, Benjamin Swan berkata, ladang tersebut menanam dua jenis sayur kangkung iaitu Kinky Kale dan Toscano Kale.

"Kedua-duanya terkenal sebagai sumber vitamin yang kaya dan penting untuk membina sistem imunisasi yang kuat selain membantu mengekalkan tenaga serta mencegah masalah kesihatan yang biasa.

"Kaedah pertanian teknologi tinggi yang kami gunakan iaitu Pertanian Alam Sekitar Terkawal (CEA), telah menghasilkan rasa kangkung yang segar dan manis sesuai dengan selera orang Asia," katanya dalam sidang akhbar semalam.

Tambahnya, melalui kaedah tersebut, hasil kangkung tanaman Sustenir dijamin bersih dan bebas daripada pencemaran.

Benjamin menjelaskan, teknik yang digabungkan dengan pertanian menegak itu dapat memaksimumkan hasil sebanyak 127 kali, sekali gus mempercepatkan kitaran tanaman serta mengurangkan penggunaan air hingga 95 peratus dan penggunaan baja hingga 85 peratus.

"Selepas sayur-sayuran dituai setiap hari, penghantaran dari ladang ke pusat pengedaran dibuat setiap hari dengan berjalan kaki, mewujudkan hasil segar peruncit yang mampan pertama di Malaysia," jelasnya.



## Penjara Marang bakal mengeluarkan Mangga King

**Marang:** Penjara Marang di-jangka King yang terbesa di Terengganu dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Kerlka ini tanah seluas 12.5 hektar di belakang penjara itu ditanam pokok berkena-an dan diangkat menjadi ladang buah.

Pengarah Penjara Marang, Penolong Kanan Komisioner Nik Robidin Ab Rahman berkata, pihaknya menyasarkan memperoleh jualan sehingga RM2 juta bagi tuai buah pada tahun kelima kelak.

"Bagi fasa pertama, kami menanam 280 pokok, manakala fasa berikutnya akan diteruskan bergantung bekalan anak pokok disum-

bang kerajaan negeri.

"Potensi kejayaan projek itu sangat besar, memandangkan ia dijalankan di bawah Program Latihlar Kemaahiran Penghuni Penjara Marang," katanya pada Majlis Perasmian Ladang Mangga King dan Lawatan Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa negeri, Dr Azman Ibrahim, semalam.

Turut hadir Pengarah Penjara Terengganu, Timbalan Komisioner Penjara Ahmad Saïdi Harzah dan Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian negeri Zulkefli Amin Mat Jusoh.

Selain pokok itu, Nik Robidin berkata, Penjara Marang

turut mengusahakan tanaman tembikai dan kangkung di tapak seluas 2.43 hektar berhampiran ladang sama, menerusi program sama.

"Pengkuni penjara juga menjalani program penternakan ikan keli menerusi 20 kolam yang kini mempunyai 400,000 ikan itu.

"Semua ternakan dan tanaman dusahakan oleh penghuni yang mempunyai baki hukuman kurang setahun. Ia juga sebagai persediaan untuk mereka berdikari apabila keluar nanti," katanya yang memberitahu hasil produk adalah untuk makanan kepada penghuni selain dijual kepada penduduk sekitar.



DR Azman Ibrahim menanam pokok Mangga King Terengganu sebagai gimik ketika perasmian ladang di belakang Penjara Marang.



## Kambing ubah nasib 2 pemuda

**PONTIAN** - Percubaan dua pemuda di Kampung Melayu, Pontian Besar di sini memernak kambing sebagai hobi membuahkan hasil apabila kini menjadi pendapatan utama mereka.

Irwan Shah Salleh, 30, dan Nur Khairul Azam Abu Kassim, 28, kini memiliki ladang ternakan sendiri dikenali sebagai Mexico Farm seluas 1.6 hektar di atas tanah milik datuknya.

Menurut Irwan Shah, mereka bermula dengan memernak tiga ekor kambing sebelum membuka ladang ternakan sehingga dia sanggup berhenti kerja sebagai pegawai penyasat insurans di Kuala Lumpur tahun lalu.

"Saya pulang ke kampung pada 2016 untuk menjaga ibu yang kurang sihat selepas lapan tahun merantau sejak berusia 18 tahun dengan pendapatan RM5,000 sebulan.

"Sepanjang tempoh itu, saya melakukan pelbagai pekerjaan sebelum memernak kambing pada tahun lepas bersama Nur Khairul Azam," katanya ketika ditemui.

Tambahnya, mereka dibantu oleh bapa saudaranya, Mustafa Robani, 54, yang memberikan modal RM60,000 untuk membersihkan belukar dan membina kandang kambing.

Menurut Irwan Shah, selepas setahun, dia kini mempunyai 42 ekor kambing daripada jenis boer, jamnapari, birl-biri



**IRWAN SHAH (kiri) dan Nur Khairul Azam memegang ternakan kambing yang mereka usahakan di Kampung Melayu, Pontian Besar, di Pontian.**

dan saanen.

"Ladang kami juga menghasilkan produk tenusu iaitu susu kambing segar selain daging kambing. Kami turut menyediakan kambing untuk majlis akikah dan keraihan," katanya.

Ujar Irwan Shah, perancangan mereka ialah membesarkan ladang untuk menambah bilangan ternakan hingga mencapai 200 ekor.

"Ladang itu berdekatan dengan Sungai Pontian Besar dan kami turut menjaring ikan atau udang menggunakan bot.

"Kami berhasrat untuk menjadikan kawasan ini dengan aktiviti ekopelancongan termasuk membangunkan sebuah restoran yang menyediakan pelbagai jenis makanan berasaskan daging kambing segar dari ladang," ujarnya.

7/4/2021

UTUSAN

DALAM

MALAYSIA

NEGERI

29

# 'Selagi ada kudrat, kami akan berkebun'

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**  
utusannews@mediamulla.com.my

**BEAUFORT:** Melewati usia 60-an, pasangan Daliah Siput, 62, dan suaminya, Okit Tanduong, 71, masih punya kudrat mengusahakan tanaman di kebun sendiri.

Walaupun terpaksa berdepan risiko kerana perlu menyeberangi Sungai Padas seluas 200 meter dengan menaiki bot hampir setiap hari namun, pasangan warga emas ini tidak pernah mengenali erti takut.

Daliah berkata, biarpun enam anaknya sudah mempunyai pekerjaan yang baik di bandar namun, beliau tetap meneruskan aktiviti berkebun untuk menampung perbelanjaan harian mereka di kampung.

Pasangan warga emas ini sudah biasa berdikari sejak usia remaja dengan bekerja di kilang papan malah, mereka pernah cuba berniaga kedai runcit, namun perniagaan itu tidak berta-

han lama.

"Kemudian, saya mula berniaga dan mengusahakan tanaman di kebun sendiri kerana tidak mahu lagi bekerja makan gaji dengan orang lain. Saya terfikir, sampai bila kami perlu kerja makan gaji dengan orang."

"Dengan pemikiran sebeginilah, kami berjaya membesarkan anak-anak dengan baik melalui hasil berkebun ini. Atas sebab itu, selagi ada kudrat kami akan mengusahakan kebun ini dengan sebaiknya kerana kebun inilah yang menjadi sumber rezeki kepada kami sekeluarga."

"Kami menanam pisang Sabah, buah-buahan dan sayur-sayuran di kawasan kebun seluas tiga ekar. Apabila musim buah seperti musim durian dan cempedak, hasil jualan diterima lebih banyak. Untuk pisang Sabah, permintraan cukup tinggi sehingga ramai orang datang ke ngah yang sanggup datang ke sini mengambil bekalan pisang di Kampung Saliwangan Lama



**DALILAH SIPUT** melakukan rutin harian memantau kebun sayur-sayurannya di Kampung Saliwangan Lama, Beaufort.

nya menjual hasil pisang yang ditanam kepada peraih tetap yang sudah lama mengambil piutang dari kebun tersebut.

Perjalanan ke Kampung Saliwangan Lama yang berbukit-bukau mengambil masa kira-kira 30 minit dari Pekan Beaufort.

Menurutnya, setiap bulan, beliau mampu menjual sehingga satu tan (1,000 kilogram) pisang Sabah dan pisang keling dengan anggaran pendapatan lebih RM1,000 sebulan.

"Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), biarpun pergerakan agak terhad namun, orang dari pasar masih dibenarkan datang ke sini untuk mengambil pisang yang cukup matang untuk dijual."

"Kami bersyukur kerana biarpun PKP, hasil tanaman masih boleh dijual tanpa sebarang masalah pengangkutan atau lambakan hasil yang tidak terjual," ujarnya.

Berkongsi kesukaran yang dihadapi ketika berkebun, Daliah berkata, apabila musim banjir kebumanya akan rosak ditenggelami banjir namun, itulah risiko berkebun di tebing sungai.



# Poor man's fish overfished

Ikan kembung being imported to make up low local supplies

The Star

## EXCLUSIVE

By WONG CHUN WA!  
newsdesk@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** It's bad enough that ikan kembung, the so-called poor man's fish, has become pricey with local supplies depleting.

Malaysia now has to import them from faraway countries like China, Yemen and Pakistan.

The self-sufficiency ratio of the fish has continued to plunge over the past five years, with importers now having to look beyond Thailand, which is the biggest supplier of the fish.

The Malaysia Competition Commission (MyCC) said there had been little evidence of change since its market review two years ago.

"Yes, the price of ikan kembung is at the mercy of intermediaries and supply factors."

"Who would have thought that we would have to buy ikan kembung from faraway places," MyCC chief executive officer Iskandar Ismail said.

A comprehensive study found that fresh ikan kembung was being brought in from Vietnam, Myanmar, China, India, Indonesia and Pakistan.

Frozen ikan kembung is also being imported in huge volumes from Middle Eastern countries and even Singapore.

The ikan kembung, or the Indian mackerel, is commonly found in shallow waters in many countries. A survey by the Fisheries Board of Malaysia found that it is the fish most favoured by consumers.

"When we released the market review report in 2019, the media focused on the supply chain and prices but no one looked at where ikan kembung was being imported from."

"Nothing has changed and most Malaysians would think we are eating what is locally caught," he said.

Iskandar said ikan kembung was



**Local supplies down:** Housewife C. Hermalietha choosing ikan kembung at the Cecil Street Market in George Town, Penang. The fish is now imported from China, Yemen and Pakistan. — CHAN BOON KAI/The Star

the most popular fish in Malaysia as it is a price setter. Ikan kembung is actually 'king' in the fish market," he said.

The price, which fluctuates between RM18 and RM22 per kg, has gone up as there are up to six "middlemen" along the supply chain before it reaches consumers.

According to a market review, the price of ikan kembung has been growing at a much faster pace than the overall fish and seafood index which indirectly caused consumers to relate it to the rise in cost of living since the introduction of "ikan rak- rak".

"The 'ikan rakyat' concept was promoted to create a perception that it will be affordable and available at all times.

"We should not label ikan into classes. The term 'ikan rakyat' was coined to depict the availability and affordability of certain fish like kembung, selar (yellow tail scad), cencaru (torpedo scad) and sardine. "So when this happened, demand was concentrated on these fish, especially ikan kembung."

"When supply of kembung goes down, the price of kembung automatically goes up, which hikes the price on other fish and people get upset," Iskandar said.

It also created the impression that ikan merah (red snapper), kerapu (grouper), jenahak (snapper) and tenggiri (Spanish mackerel) were for wealthier consumers, he added.

Iskandar said multiple intermediaries were involved in the market-

ing of fish before it reached consumers.

"By the time the fish makes it to market, the price would have increased by almost six times.

"As the supply may be intentionally controlled in the market by creating more frozen fish, this may allow the players who carry out such practices to withhold supply in the market or artificially stabilise the price during the excess supply period," he said.

The study also revealed that the "presence of a key distribution hub in the central region which holds the majority of the volume in the market gives them a geographical advantage that allows them to influence the market price due to the price asymmetry along the supply chain."

It found that the fish price has been marked up almost 300% higher than the original value.



M. JASNI  
MAJED

**B**EBERAPA minggu lagi, Perlis akan mengeluarkan produk ikonnya, iaitu harum manis. Memang sebut sahaja Perlis, orang akan tahu tentang keistimewaan harum manisnya yang dikatakan manis dan harum. Harum manisnya berbeza dengan yang ditanam di negeri-negeri lain mahupun yang diimport dari luar terutama Kemboja.

Sejarah harum manis Perlis sangat panjang, bermula antara 1979 hingga 1982 menerusi Projek Baik Pulih Dusun. Sampailah sekarang, Perlis mempunyai lebih 2,000 hektar ladang harum manis yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian dan ladang persendirian melibatkan 2,700 pengusaha.

Angka ini bukanlah sedikit dan ternyata harum manis membuka peluang pekerjaan dan merancakkan ekonomi Perlis sejak beberapa tahun lalu. Maka tidak hairanlah ada dalam kalangan pesawah menukarkan sebahagian kecil kawasan tanaman padi mereka dengan harum manis kerana pendapatannya lebih lumayan. Maka tidak hairanlah juga kebanyakan penduduk kampung yang ada tanah lapang menanamnya di sekeliling rumah atau menggantikan tanaman lain dengan harum manis kerana mahu memperoleh pendapatan sampingan yang agak tinggi.

Apa pun, harum manis tetap mempunyai pelbagai risiko. Inilah yang terpaksa ditanggung oleh pemilik ladang yang benar-benar bergantung dengan harum manis. Kos penjagaannya dikatakan bukan sedikit kerana pemilik ladang terpaksa berdepan risiko penyakit.

Harum manis juga bergantung pada cuaca. Pada tahun ini, ramai yang menjangkakan hasilnya akan merosot kerana ketika berbunga pada Disember tahun lalu, kadar hujan sangat tinggi yang mampu menggugurkan bunga dan putik harum manis.

Pemilik harum manis juga terpaksa berdepan dengan kecurian hasil tanaman mereka. Lebih mendukacitakan kerana hasil yang dicuri itu bukanlah buah yang sudah matang

# Lumayankah harum manis tahun ini?

Di Perlis, harum manis seolah-olah sudah menjadi tanaman wajib sama ada berskala besar atau ditanam seponon dua di laman rumah.  
- UTUSAN/MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB



**Harum manis tetap mempunyai pelbagai risiko. Inilah yang terpaksa ditanggung oleh pemilik ladang yang benar-benar bergantung dengan harum manis."**

dan apabila dijual, kualitinya rendah dan menjatuhkan imej harum manis itu sendiri.

Jika tiada masalah-masalah tersebut, muncul

pula lambakan hasil lalu menjejaskan harga harum manis sehingga RM10 sekilogram. Lambakan berlaku kerana ketibaan bulan puasa menyebabkan permintaan terhadap harum manis berkurangan.

Selain itu, pemilik-pemilik ladang juga terpaksa berdepan saingan harum manis dari luar negara terutama Kemboja yang dijual RM5 sekilogram atau kadang-kadang RM10 untuk tiga kilogram. Itu belum lagi dicampur pelbagai jenis mangga dari Thailand yang masuk ke negara kita setiap musim.

Masa depan harum manis ternyata agak kabur. Sesiapa yang mengusahakan tanaman ini sejak awal-awal lagi tentu dapat menikmati pulangan yang lumayan. Maksudnya, ketika kuantitinya sedikit tetapi pemintaannya tinggi, pemilik harum manis

mendapat durian runtuh. Maka tidak mustahil sesiapa yang hanya menanam tiga pokok harum manis di sekeliling rumah pun mampu memperoleh RM2,000 semusim. Tetapi sekarang sudah ramai yang menanamnya dan seolah-olah menjadi satu tanaman wajib pula sama ada berskala besar atau menanam sepokok dua di sekeliling rumah. Kita memang tidak boleh menyalahkan sesiapa dalam soal ini kerana rezeki seseorang itu subjektif sifatnya. Sifat tamak pula tidak akan ke mana-mana.

## JERUK

Apabila berlaku lambakan harum manis, kerajaan negeri menerusi agensinya mesti mengambil kira nasib pemilik ladang harum manis. Pemilik ladang tidak boleh dibiar tergapai-gapai mencari pelanggan sendiri kerana kemampuan mereka tentulah terbatas. Malah bagi yang memiliki sepokok dua harum manis yang tidak habis dimakan anak-beranak pun mesti diberi perhatian kerana sejak diperkenalkan pada awal 1980-an, tujuannya hendak mempelbagaikan pendapatan penduduk negeri yang kecil itu. Langkah kerajaan negeri hendak mengeksport harum manis amat dialu-alukan. Sudah tentu pasarannya lebih luas dan dapat meyakinkan pengusaha harum manis. Jika tidak, harum manis akan tinggal sebagai ikon seperti

mempelam lain yang tidak ada harga dan layak dibuat jeruk sahaja. Malah ada yang jatuh ke dalam parit atau saliran dan tidak diambil oleh sesiapa pun.

Usaha memperluas pasaran harum manis mesti disertakan dengan komitmen agensi pertanian seperti Lembaga Pertubuhan Peladang negeri atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Seeloknya, agensi ini masuk ke kampung-kampung, bawa lori pick-up mencari pemilik ladang sebaik sahaja musim bermula atau mendaftarkan mereka agar hasilnya dapat dijual kepada badan-badan ini.

Bagi yang mahir dalam selok-belok perniagaan, tentu boleh menggunakan khidmat kurier untuk menghantar harum manis ke mana-mana sahaja pelanggan yang menempah menerusi dalam talian dan sebagainya. Khidmat kurier khas sangat penting supaya harum manis tidak dicampur dengan benda-benda lain. Harum manis mesti cepat sampai ke destinasi supaya kualitinya terjamin dan buahnya tidak lebam atau rosak.

Masa depan harum manis Perlis bergantung pada komitmen pelbagai pihak supaya produk ini berjaya mengekalkan keistimewaan di mata penduduk tempatan mahupun di mana-mana sahaja yang sudah mengenali harum manis.

PENULIS ialah penganalisis sosial dan bekas guru

